

02 OCT 1996

S46-Exco

EXCO S46 KELANTAN JADI WAKIL BEBAS MULAI MINGGU DEPAN

KOTA BAHARU, 2 Okt (Bernama) -- Anggota Exco dari Parti Melayu Semangat 46 (S46) tetap akan menghadiri mesyuarat mingguan Exco negeri walaupun parti itu dijangka dibubarkan Ahad ini bagi membolehkan pemimpin dan anggotanya menyertai semula Umno.

"Kita akan menghadiri mesyuarat Exco seperti biasa selagi tiada arahan dari parti supaya keluar dari Exco walaupun S46 akan dibubarkan," kata Pengerusi Perhubungan S46 Kelantan Datuk Rozali Isohak.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Exco mingguan di Kota Darul Naim di sini hari ini, beliau berkata mesyuarat Exco hari ini adalah kali terakhir yang beliau bersama tiga lagi wakil S46 akan hadir sebagai wakil S46.

"Kemungkinan (minggu depan) kita jadi Exco bebas, barangkali jadi begitu," katanya Rozali, yang juga Timbalan Menteri Besar II.

S46 mempunyai empat anggota Exco, manakala Pas lima anggota dalam barisan Exco kerajaan negeri.

Rozali berkata adalah wajar kedudukan anggota S46 itu diserahkan kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah untuk perbincangan lanjut.

Mengenai Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan bermula 14 Okt ini, katanya beliau akan menghubungi Speaker Haji Wan Abdul Rahim Wan Abdullah bagi mengetahui kedudukan 11 wakil S46 sama ada diletakkan bersama barisan kerajaan atau sebagai pembangkang bersama tujuh anggota Barisan Nasional.

-- BERNAMA

RAR AHH